

## MAKLUMAT AM KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA RAWANG 2014

---

1. Tarikh Kejohanan : 22hb dan 23hb Nov 2014 (Hari Sabtu & Ahad)
2. Masa Pertandingan : 8.00 pagi – 6.00 petang
3. Tempat : Dewan Badminton ASB, Bandar Baru Rawang (Atas Pasar Moden), Selangor
4. Kategori pertandingan
  - 4.1 Beregu Lelaki Terbuka (Sesiapa sahaja boleh mengambil bahagian)
  - 4.2 Beregu Novice (Pemain-pemain **warganegara Malaysia** boleh mengambil bahagian **kecuali pemain-pemain yang nama-namanya terdapat dalam tournament software**)
  - 4.3 Beregu Lelaki Bawah 16 tahun (16 tahun dan ke bawah – tahun lahir 1998 atau selepasnya)
  - 4.4 Perseorangan Perempuan Bawah 14 tahun (14 tahun dan ke bawah – tahun lahir 2000 atau selepasnya)
  - 4.5 Perseorangan Lelaki Bawah 12 tahun (12 tahun dan ke bawah – tahun lahir 2002 atau selepasnya)
5. Syarat penyertaan
  - 5.1 Setiap pasangan diwajibkan menyerahkan **Borang Penyertaan yang lengkap** bersama Yuran Penyertaan, pada atau sebelum 10.00 malam, 8hb November 2014.
  - 5.2 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam beberapa kategori dengan syarat dia mematuhi had umur/kelayakan yang ditetapkan.
  - 5.3 Bayaran tambahan sebanyak RM30 dikenakan sekiranya menukar salah seorang pasangan beregu, selepas tarikh tutup. Walau bagaimanapun, nama pemain yang ditukar tidak boleh bermain dalam kategori berkenaan.
6. Yuran penyertaan
  - 6.1 Beregu Lelaki Terbuka : RM150.00
  - 6.2 Beregu Lelaki Novice : RM60.00
  - 6.3 Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun : RM50.00
  - 6.4 Perseorangan Perempuan Bawah 14 Tahun : RM20.00
  - 6.5 Perseorangan Lelaki Bawah 12 Tahun : RM20.00
7. Hadiah, Barangan Sponsor dan T-shirt
  - 7.1 Hadiah berupa piala, wang tunai dan barangan sponsor seperti berikut:
    - Johan Beregu Lelaki Terbuka –  
**Piala Pusingan + Piala Take-away + Tunai RM3000.00 + Barangan Sponsor**
    - Naib Johan Beregu Lelaki Terbuka –  
**Piala Take-away + Tunai RM1000.00 + Barangan Sponsor**
    - Separuh Akhir Beregu Lelaki Terbuka –  
**Piala Take-away + Tunai RM500.00 + Barangan Sponsor**
    - Suku Akhir Beregu Lelaki Terbuka-  
**Piala Take-away**

Johan Beregu Lelaki Novice –  
***Piala Pusingan + Piala Take-away + Tunai RM1200.00 + Barangan Sponsor***  
Naib Johan Beregu Lelaki Novice –  
***Piala Take-away + Tunai RM800.00 + Barangan Sponsor***  
Separuh Akhir Beregu Lelaki Novice –  
***Piala Take-away + Tunai RM400.00 + Barangan Sponsor***  
Suku Akhir Beregu Lelaki Novice –  
***Piala Take-away***

Johan Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun –  
***Piala Pusingan + Piala Take-away + Tunai RM800.00 + Barangan Sponsor***  
Naib Johan Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM400.00 + Barangan Sponsor***  
Separuh Akhir Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM200.00 + Barangan Sponsor***  
Suku Akhir Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun –  
***Piala Take-away***

Johan Perseorangan Perempuan Bawah 14 Tahun –  
***Piala Pusingan + Piala Take-away + Tunai RM300.00 + Barangan Sponsor***  
Naib Johan Perseorangan Perempuan Bawah 14 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM200.00 + Barangan Sponsor***  
Separuh Akhir Perseorangan Perempuan Bawah 14 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM100.00 + Barangan Sponsor***  
Suku Akhir Perseorangan Perempuan Bawah 14 Tahun –  
***Piala Take-away***

Johan Perseorangan Lelaki Bawah 12 Tahun –  
***Piala Pusingan + Piala Take-away + Tunai RM300.00 + Barangan Sponsor***  
Naib Johan Perseorangan Lelaki Bawah 12 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM200.00 + Barangan Sponsor***  
Separuh Akhir Perseorangan Lelaki Bawah 12 Tahun –  
***Piala Take-away + Tunai RM100.00 + Barangan Sponsor***  
Suku Akhir Perseorangan Lelaki Bawah 12 Tahun –  
***Piala Take-away***

7.2 Pihak penganjur akan menyediakan **T-shirt** dan **barangan** sponsor untuk **setiap pemain**.

## 8. Penghantaran Borang

- 8.1 Sila hantar borang beserta yuran penyertaan sebelum 8hb Nov 2014, jam 10 malam kepada Pejabat (Pusat Sukan Jaguh Gemilang). Sila hubungi 03-6733 1659 / 012-2182450 / 012-6563423.
- 8.2 Borang juga diterima melalui faks bersama bank-in slip (deposit bank ke akaun Pusat Sukan Jaguh Gemilang di Maybank – Nombor Akaun Semasa 512017015682) menerusi nombor faks 03-67331905 pada atau sebelum tarikh tutup berkenaan.

# PERATURAN PERTANDINGAN *KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA RAWANG 2014*

---

## 1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) dan Peraturan Am Persatuan Badminton Selangor (SBA) serta Peraturan Pertandingan Kejohanan Badminton Terbuka Rawang 2014.

## 2. KATEGORI DAN SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Beregu Lelaki TERBUKA, tiada sebarang sekatan dikenakan.
- 2.2 Beregu Lelaki NOVICE (hanya untuk pemain **warganegara Malaysia yang nama-namanya TIDAK terdapat dalam tournament software**)
- 2.3 Beregu Lelaki BAWAH 16 TAHUN (16 tahun dan ke bawah – mengikut tahun lahir)
- 2.4 Perseorangan Perempuan Bawah 14 tahun (14 tahun dan ke bawah – mengikut tahun lahir)
- 2.5 Perseorangan Lelaki BAWAH 12 TAHUN (12 tahun dan ke bawah – mengikut tahun lahir)

## 3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini dijalankan secara 'kalah-keluar'
- 3.2 Keutamaan pemain / 'seeding' akan digubal oleh Jawatankuasa Penganjur
- 3.3 Perlawanan akan mengguna pakai format 21-mata secara penuh (best of three games)

## 4. KELEWATAN / KECEDERAAN / MENARIK DIRI

- 4.1 Pengurus pasukan / pemain-pemain dikehendaki melaporkan kehadiran diri kepada Refree Kehormat setiap pagi / petang sebelum perlawanan bermula
- 4.2 Hanya **5 minit** dibenarkan kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas itu lawannya diberi kemenangan percuma

## 5. PAKAIAN

- 5.1 Sebarang jenis pakaian sukan yang sesuai dan kemas adalah dibenarkan
- 5.2 Walau bagaimana pun, pakaian yang boleh menimbulkan sensitiviti jenama rokok, parti politik, minuman keras, gambar lucu dan seumpamanya ditegah digunakan oleh pemain

## 6. MENERIMA NASIHAT JURULATIH

- 6.1 Pemain boleh menerima nasihat jurulatih semasa bulu tangkis tidak dalam permainan (shuttle not in play), tertakluk kepada Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)

## 7. GELANGGANG DAN PERALATAN

- 7.1 Mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)
- 7.2 Jenama bulu tangkis yang digunakan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur

## 8. JAWATANKUASA TEKNIKAL

- 8.1 Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pegawai-pegawai gelanggang akan dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur. Keputusan Jawatankuasa Teknikal berkenaan peraturan kejohanan adalah muktamad

## 9. BANTAHAN / JURI RAYUAN / LEMBAGA TATATERTIB

- 9.1 Sekiranya ada bantahan bertulis, hendaklah menggunakan format surat rasmi kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Dan Keadilan dan disertakan dengan wang tunai sebanyak RM300.00 sebagai pertaruhan, tidak lewat daripada 30 minit setelah tamat sesuatu perlawanan. Sekiranya bantahan tersebut ditolak atau tidak munasabah wang pertaruhan tidak akan dikembalikan

## 10. MAKLUMAT AM

- 10.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan secara jelas dalam peraturan di atas akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penganjur melalui mesyuarat. Keputusan mesyuarat adalah muktamad
- 10.2 Setiap pasukan / pemain bertanggungjawab terhadap urusan pengangkutan, makan-minum, disiplin pemain, kesihatan, keselamatan pasukan dan sebagainya
- 10.3 Jawatankuasa Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap masalah pengurusan pasukan / pemain dan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah atas kecuaiannya pengurusan pasukan / pemain
- 10.4 Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jawatankuasa Penganjur yang berkenaan